

## Program Sarapan Percuma

# 'Kerajaan ada bajet'

Dana disatukan daripada pelbagai kementerian, agensi akan dimanfaatkan: PM

Wan Faizal  
Ismaytim

wfaizal@bh.com.my



**Kerajaan** mempunyai bajet untuk melaksanakan Program Sarapan Percuma (PSP) mulai sesi persekolahan tahun depan, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, selain cukai minuman bergula, kerajaan boleh menggunakan dana disatukan daripada pelbagai kementerian dan agensi untuk pelaksanaan PSP yang akan memanfaatkan murid sekolah rendah kerajaan serta bantuan kerajaan.

"Semua cukai dikutip akan diagihkan kepada kementerian dan agensi mengikut keperluan. Kalau ada keperluan untuk peruntukan tambahan, kita akan pertimbangkan, kalau kita mampu, kita akan bagi.

"Tetapi kita harus ingat kerajaan terdahulu meninggalkan banyak hutang dan kerajaan kini kena bayar (hutang)," katanya kepada pemberita Malaysia sebelum mengakhiri lawatan rasmi tiga hari ke Vietnam semalam.

Yang turut hadir, Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah dan Duta Besar Malaysia ke Vietnam, Datuk Shariifah Norhana Syed Mustaffa.

Isnin lalu, Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik, mengu-

mumkan kira-kira 2.7 juta murid sekolah rendah kerajaan dan bantuan kerajaan akan menda-pat sajian sarapan berkhasiat secara percuma bermula sesi persekolahan tahun 2020.

Kerajaan dijangka perlu membelanjakan antara RM2 bilion hingga RM3 bilion setahun, bergantung kepada menu sajian PSP.

Bagaimanapun, pakar ekonomi berpendapat Kementerian Pendidikan mampu menampung kos berkenaan kerana pendapatan yang dijangka diperoleh kerajaan menerusi cukai minuman bergula adalah sekitar RM2 bilion setahun.

Ditanya apakah menu yang sesuai untuk sarapan murid apabila PSP dilaksanakan kelak, Perdana Menteri berkata banyak menu sihat boleh difikirkan oleh Kementerian Pendidikan.

Dr Mahathir, ketika ditanya mengenai keadaan isterinya, berkata Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali sudah pulih daripada keracunan makanan tetapi masih berada di Prince Court Medical Centre di Kuala Lumpur di mana

*"Semua cukai dikutip akan diagihkan kepada kementerian dan agensi mengikut keperluan. Kalau ada keperluan untuk peruntukan tambahan, kita akan pertimbangkan, kalau kita mampu, kita akan bagi."*

**Dr Mahathir Mohamad,**  
Perdana Menteri

beliau dirawat sejak Isnin lalu.

"Dia sudah pulih, tapi ada di hospital lagi, saya balik ini akan pergi hospital," katanya.

Dr Siti Hasmah sepatutnya mengiringi Dr Mahathir untuk lawatan rasmi ke Vietnam dan pada mulanya dijadual mempunyai beberapa program berasian.

Menjawab soalan pemberita, Dr Mahathir mengakui beliau rindu kepada Dr Siti Hasmah.

"Ya...60 tahun kahwin, orang lain kahwin (baru) berapa tahun, buat belanja kenduri besar-besaran, panggil ramai orang, (tetapi selepas) dua tahun cerai," katanya.

Mengenai pencerobohan nelayan Vietnam di perairan Malaysia, Perdana Menteri berkata isu itu turut dibincangkan dalam mesyuarat dua hala dengan kerajaan Vietnam.

Beliau berkata, kes pencerobohan nelayan asing dapat dikurangkan sekiranya nelayan tempatan mengambil peluang meningkatkan tangkapan hasil laut di perairan sendiri.

"Kita telah ambil tindakan tangkap tetapi ini tak akan kurangkan pencerobohan mereka kerana kita ada lautan luas, banyak ikan tetapi kurang usaha tangkap ikan, bila orang luar masuk, kita marah.

"Kita buat bot sendiri, tetapi tak nak jadi nelayan, nak duduk rumah, susahlah," katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri yang dalam rangka lawatan rasmi tiga hari ke sini, melakukan kunjungan hormat ke atas Presiden Vietnam, Nguyen Phu Trong.

Kunjungan hormat ke atas Phu Trong yang juga Setiausaha Agung Parti Komunis Vietnam berlangsung selama kira-kira 25 minit di ibu pejabat parti itu, di sini.

Phu Trong dilantik sebagai Presiden Vietnam pada Oktober tahun lalu.